

## Pahang benar solat tarawih 20 rakaat, berbuka di padang MBK 1

Asrol Awang - Mac 30, 2022 @ 7:07pm

[bhnews@bh.com.my](mailto:bhnews@bh.com.my)



Foto hiasan

KUANTAN: Kerajaan negeri melalui Mesyuarat Jawatankuasa Task Force COVID-19 Pahang memutuskan memberi kebenaran solat tarawih 20 rakaat di masjid dan surau di seluruh negeri.

Menteri Besar, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, berkata penganjuran majlis berbuka puasa, moreh dan sahur turut dibenarkan.

Katanya, selain itu program penghayatan ibadah sepanjang Ramadan seperti qiamullail dan tadarus al-Quran juga dibenarkan.

"Selain itu, kerajaan negeri turut memberi kebenaran bagi pengoperasian dan aktiviti Pasar Ramadan dan Bazar Aidilfitri sepanjang Ramadan tahun ini.

"Masa perniagaan aktiviti Pasar Ramadan bermula jam 3 petang hingga 8 malam, manakala aktiviti Bazar Aidilfitri pula dari 12 tengah hari hingga 12 tengah malam.

"Bagaimanapun, ia tertakluk kepada ketetapan oleh pihak berkuasa tempatan (PBT)," katanya dalam satu kenyataan media, hari ini.

Wan Rosdy berkata, semua peniaga, pekerja dan pelanggan hendaklah mempunyai status lengkap vaksinasi.

Katanya, golongan yang berisiko seperti kanak-kanak dan warga emas berusia 70 tahun dan ke atas tidak digalakkan untuk mengunjungi Pasar Ramadan dan Bazar Aidilfitri.

"Dalam pada itu, semua peniaga digalakkan untuk menyediakan dan menawarkan kaedah alternatif bayaran tanpa tunai atau 'cashless'.

"Ini bagi mempercepatkan masa, mengurangkan sentuhan dan mengelakkan kesesakan berlaku di tapak jualan," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, kerajaan negeri membenarkan aktiviti berbuka puasa di Padang Majlis Bandaraya Kuantan (MBK) 1 sepanjang Ramadan ini.

Justeru, katanya, tempahan boleh dibuat secara dalam talian di laman sesawang MBK.

"Kebenanaran berbuka puasa di Padang MBK 1 ini diberikan dengan mengambil kira kadar kebolehterjangkitan yang rendah di kawasan terbuka.

"Sebanyak 136 lot untuk berbuka puasa disediakan.

"Tempahan bagi setiap lot digalakkan dibuat sekurang-kurangnya tiga hari sebelum tarikh berbuka dan tertakluk kepada kekosongan.

"Tempoh masa yang dibenarkan dari jam 6 petang sehingga jam 8.30 malam," katanya.